

# TOKOH MAAL HIJRAH PERINGKAT KEBANGSAAN

PENGERUSI Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan, Profesor Emeritus Tan Sri Abdul Shukor Husin semalam dipilih sebagai penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan 1433 Hijrah/2011 Masihi.

Anugerah itu disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin pada Majlis Sambutan Maal Hijrah di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya.

Abdul Shukor yang juga merupakan bekas Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima hadiah wang tunai sebanyak RM100,000 sumbangan kerajaan, RM10,000 daripada Yayasan Ubaidi dan plak penghargaan.

● ABDUL Shukor Husin (duduk, tengah) meraikan kejayaan dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan bersama isteri, Puan Sri Ramah Abd. Manan serta anak cucunya di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya, semalam. [BERITA PENUH DI MUKA 3] – UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN